

# Banjir di Membakut, UMS bantu mangsa terjejas

UB 24.1.2015 B3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengambil langkah pantas menghantar bantuan kepada mangsa banjir yang

melanda daerah Membakut.

Seramai 2,000 mangsa banjir di daerah tersebut dipindahkan ke pusat-pusat pemindahan berdekatan

sejak air dari sungai-sungai berdekatan mula naik, Rabu lepas.

Seorang mangsa, Mini Pansiul, dari Kg. Takapan,

beliau keluar meninggalkan rumahnya sejurus melihat kawasan berhampiran mula ditenggelami air.

Bimbang akan keselamatan

diri, beliau bergegas mendapatkan bantuan daripada pihak bomba yang berada berhampiran rumah beliau ketika itu.

“Air naik dengan cepat, saya tidak sempat membawa sehelai pun pakaian kerana

takut akan terkandas dirumah dan tidak dapat meminta bantuan daripada pihak keselamatan,” katanya.

Seorang lagi mangsa, Dayang Emah Sunin berkata beliau sekeluarga mula berkampung di pusat

pemindahan itu sejak tiga hari lalu apabila hampir keseluruhan rumahnya telah ditenggelami air.

Misi Bantuan Banjir UMS yang diketuai Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Prof. Madya Dr. Ismail Ali mengagihkan barang keperluan seperti makanan, minuman, pakaian dan lampin pakai buang untuk kanak-kanak.

Menurut urusetia program Misi Bantuan Banjir UMS, Norhana Nordin, pihaknya turut menerima sumbangan daripada Persatuan Atlet Gimnastik Sabah untuk diagihkan kepada mangsa banjir yang terlibat di pusat pemindahan Dewan Serbaguna Membakut.

Turut hadir meninjau keadaan mangsa banjir, Ahli Dewan Undangan Negeri Membakut, Datuk Arifin Arif.

**WARGA UMS** bertanya khabar keadaan mangsa banjir.



**ISMAIL** menyerahkan bantuan kepada Arifin.